



PARLIMEN MALAYSIA
(KAMAR KHAS)
UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN
PERKARA
TADBIR KERAJAAN
(*PERATURAN MESYUARAT 17*)
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

6 OGOS 2018 (ISNIN)

2.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

Ucapan : Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]
Tajuk Ucapan : Pembaikan Tebing Parit Tanah Di Taman Wah Keong, Ipoh Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran
Tarikh Ucapan : 6 Ogos, 2018 (Isnin)
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di Pertua

Saya ingin membangkitkan isu berkenaan dengan pembaikan tebing parit tanah berhampiran Taman Wah Keong, Ipoh Perak, iaitu di belakang rumah-rumah No. 14 & 16, Lengkok Wah Keong, Taman Wah Keong, 31400 Ipoh, Perak.

Rumah-rumah di No. 14 & 16, Lengkok Wah Keong tersebut telah dibina lebih kurang 28 tahun dahulu. Terdapat satu saluran terletak di belakang rumah-rumah tersebut yang sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah menghakis tebing parit tanah yang bersambungan dengan rumah-rumah tersebut. Perkara ini amatlah serius yang mana sebahagian konkrit tebing parit tanah telah runtuh dan kesan-kesan keretakan telah didapati di bahagian bahu jalan kawasan hadapan rumah-rumah. Sekiranya pembaikan tebing parit tidak dilaksanakan dengan segera, kejadian yang tidak diinginkan mungkin berlaku.

Saya telah membawa perkara ini ke Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak pada tahun 2017, dalam kapasiti saya selaku wakil rakyat DUN Canning pada ketika itu. Jurutera JPS telah membuat lawasan ke tapak tersebut dan menyatakan bahawa kerja-kerja pembaikan tebing

parit akan dilaksanakan pada tahun 2018 setelah bajet tahun 2018 disalurkan.

Namun, melalui suatu surat bertarikh 05.06.2018 kepada ADUN Canning sekarang, pihak JPS telah menyatakan bahawa parit tanah tersebut adalah di luar daripada selenggaraan JPS. Balasan ini diberikan setelah lebih daripada sembilan (9) bulan aduan diajukan dan setelah pihak JPS memberikan komitmen untuk melaksanakan projek pembaikan ini pada tahun 2018. Apa yang akan terjadi ke atas keyakinan rakyat terhadap pentadbiran baharu di bawah satu Kerajaan Baharu ini.

Rakyat sekarang menaruh satu Harapan yang besar. Apabila kita mengendalikan aduan-aduan yang diajukan oleh rakyat kepada kita, kesemua jabatan Kerajaan termasuk kita selaku wakil rakyat, harus mengetepikan sikap yang mana akan dianggap sebagai penolakan masalah atau aduan rakyat.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian YB. Menteri untuk dua (2) perkara spesifik:-

- (i) Pengesahan bahawa masalah ini di bawah selenggaraan JPS;
- (ii) sama ada JPS bersedia untuk menunaikan komitmennya untuk melaksanakan kerja- kerja pembaikan parit tebing tersebut pada tahun 2018 dengan kos yang dianggarkan sebanyak RM120,000 seperti yang dinyatakan oleh JPS.

Sekian, terima kasih

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, isu yang dibangkitkan adalah isu penyelenggaraan dan pembaikan tebing sungai/ parit yang tertakluk di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri. Dalam kes ini, parit tersebut adalah di dalam kawasan perumahan dan di bawah tanggungjawab Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Pihak Jabatan Pengairan dan Salirab Daerah Kinta/ Batang Padang, Perak telah beberapa kali melakukan lawatan dan siasatan bersama-sama pihak MBI selepas menerima aduan pada tahun 2017 tentang hakisan tebing di kawasan perumahan tersebut iaitu di belakang rumah No. 14 & 16, Lengkok Wah Keong, Taman Wah Keong, Ipoh, Perak.

Hasil siasatan mendapati rumah-rumah yang terlibat terletak di tebing parit/ anak sungai yang terdedah kepada risiko hakisan dan tebing runtuh. Semasa lawatan JPS bersama pihak MBI pada tahun 2017, telah dipersetujui bahawa peruntukan dan kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh MBI. Walau bagaimanapun, pihak MBI tidak melaksanakan kerja-kerja tersebut dan menyerahkan kembali kepada JPS untuk mendapatkan peruntukan. Isu ini berlarutan oleh sebab kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan parit/ anak sungai/ sungai adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa negeri dan peruntukan sedia ada JPS Negeri Perak untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut adalah terhad dan perlu dipohon dalam bajet tahun berikutnya.

Pada tahun 2018, wakil YB ADUN Canning telah menghubungi JPS berkenaan kerja pembaikan tebing di tempat pengadu di Taman Wah Keong tersebut. Pada 25 Julai 2018, pihak JPS sekali lagi telah memeriksa tempat hakisan tersebut untuk membantu pengadu menyelesaikan masalah.

Bagi tujuan tersebut, pihak JPS telah memohon peruntukan di bawah Kerajaan Negeri Perak dan akan melaksanakan kerja-kerja tersebut sekiranya diluluskan.

Sekian, terima kasih.